

Premis, farmasi kehabisan stok sejak akhir Januari

Kuala Lumpur: Bekalan topeng muka di farmasi di sekitar Lembah Klang habis terjual dalam tempoh satu jam disebabkan pembelian panik susulan penyebaran wabak coronavirus (COVID-19)

Tinjauan *BH* di beberapa farmasi di sini mendapati kebanyakan premis kehabisan stok topeng muka sejak akhir Januari lalu.

Jika ada pun, bekalan diperoleh dari gudang yang dihantar sekitar 10 kotak pada satu masa dan habis dalam beberapa jam.

Kebanyakan farmasi yang dikunjungi turut meletakkan notis tiada stok topeng muka.

Bagaimanapun, stok cecair pembasmi kuman (sanitizer) masih boleh diperolehi.

Pengurus sebuah farmasi di Bangsar di sini yang hanya mahu dikenali sebagai Tan WS berkata, jualan topeng muka meningkat 70 peratus, malah cawangannya kehabisan stok sejak seminggu lalu.

"Setiap kali bekalan tiba, topeng muka itu mampu terjual sehingga ribuan keping sehari kerana permintaannya sangat tinggi.

"Justeru, kita terpaksa menghadkan setiap individu hanya boleh membeli lima keping kerana sebelum ini ada yang membeli dalam kuantiti yang sangat banyak," katanya.

Tan berkata, stok cecair pembasmi kuman tiba kelmarin

sebanyak 300 botol selepas dua hari kehabisan bekalan.

Seorang pekerja di sebuah farmasi di Damansara di sini berkata, sebanyak 10 kotak topeng muka habis terjual dalam tempoh satu jam dengan setiap pembeli dihadkan dua keping.

"Stok kejap ada, kejap habis. Bayangkan 10 kotak yang setiap satu mengandungi 50 keping pun habis dalam tempoh sejam," katanya.

Pekerja farmasi di Jalan Ipoh di sini, berkata ramai pelanggan terpaksa menunggu lama sehingga ada yang sanggup menempah bekalan topeng muka sejak akhir Januari lalu.

Beliau berkata, kebanyakan pelanggan diminta mengikuti maklumat terkini berhubung bekalan topeng muka di laman sosial termasuk Facebook kendalian farmasi itu.

Berdasarkan maklumat daripada pekerja di farmasi, harga topeng penutup hidung dan mulut ditetapkan pada 80 sen sehingga RM2.50 mengikut jenis.

Sementara itu, tinjauan di portal beli-belah dalam talian mendapati hanya topeng muka menggunakan bahan fabrik dijual secara terhad dengan kebanyakan stok dari luar negara dan perlu ditempah awal.

Topeng itu dijual pada harga agak tinggi bermula daripada RM5.64 sekeping atau sehingga

RM189 secara pukal membabitkan penjual dari dalam dan luar negara.

Di **Kuching**, kegagalan pembekal menghantar stok baharu selain pembelian panik menjadi punca masalah ketiadaan bekalan topeng muka di Sarawak.

Tinjauan di sekitar bandar raya ini mendapati semua farmasi kehabisan stok barang kawalan itu ketika penularan wabak COVID-19 semakin membimbangkan.

Menurut pekerja sebuah farmasi di Batu Kawa, pihaknya menunggu bekalan sejak lebih tiga minggu lalu, namun pembekal memaklumkan tiada penghantaran baharu diterima daripada pengilang di Semenanjung.

Di **Tawau**, permintaan luar biasa terhadap topeng muka dan cecair pembasmi kuman antara punca kedua-ke dua barangan itu habis di pasaran.

Pemantauan Kementerian Perdagangan Dalam dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) di sini mendapati, bekalan mula berkurangan awal bulan lalu akibat permintaan tinggi.

Ketua Penguat Kuasa KPDNHEP Tawau, Aslani Dabi, berkata kebanyakan farmasi dan premis menjual barangan itu kehabisan stok selain terputus bekalan.

"Bekalan topeng muka dan cecair pembasmi kuman beralkohol diperolehi dan dibekalkan

oleh syarikat di Kota Kinabalu dan Semenanjung.

"Bagaimanapun, bekalan yang dipesan belum diterima berikutan permintaan tinggi di semua negeri dan daerah," katanya ketika dihubungi, semalam.

Susulan itu, Aslani berkata pihaknya mengambil langkah proaktif dengan mendapatkan bantuan KPDNHEP Kota Kinabalu dan Putrajaya supaya pembekal dapat meningkatkan bekalan ke daerah ini.

Di **Kota Bharu**, bekalan topeng muka di Kelantan didakwa kehabisan sejak dua bulan lalu.

Tinjauan di beberapa daerah di Kota Bharu, Pasir Mas, Keteroh dan Tanah Merah mendapati bekalan topeng berkenaan tidak sampai sejak awal bulan lalu.

Pekerja di sebuah farmasi di Kota Bharu yang enggan dikenali berkata, kali terakhir mereka mendapat bekalan topeng berkenaan pada Januari lalu.

"Itu pun hanya mampu bertahan tiga hari kerana permintaan terlalu tinggi sehingga kita terpaksa menghadkan kuantiti penjualan," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Sementara itu, Ketua Pegawai Penguat Kuasa Kementerian Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Kelantan, Azanizam Affendi Juri, ketika dihubungi mengakui bekalan topeng muka sukar diperolehi.

"Ini bukan masalah negeri sebaliknya hampir seluruh negara menghadapi masalah sama.

"Hasil pemeriksaan di 23 pasar raya, 40 farmasi dan 20 kedai di seluruh Kelantan hari ini, mendapati bekalan topeng berkenaan hanya terdapat di sebuah pasar raya di Tumpat.

"Namun, itu pun hanya ada 25 keping, manakala di daerah lain semuanya kehabisan," katanya.

Di **Sungai Petani**, bekalan topeng muka di Kedah dikatakan habis sejak akhir bulan lalu.

Tinjauan di beberapa farmasi di sekitar bandar ini mendapati topeng muka pelbagai jenis sudah tidak dijual.

Petugas farmasi, Nur Liyana Rahmat, 28, berkata tiada stok baharu diterima selepas bekalan topeng muka di premis habis terjual sejak akhir bulan lalu.

"Topeng muka N95 habis sejak pertengahan bulan lalu, manakala topeng muka tiga lapisan habis sejak akhir bulan lalu," katanya ketika ditemui, semalam.

Mashitah Ismail, 35, berkata pihaknya hanya mempunyai bekalan untuk kegunaan pekerja, manakala tiada stok untuk pelanggan sejak pertengahan bulan lalu.

Muhamad Amir Hamdan, 36, berkata kali terakhir farmasi menjual topeng muka pada awal bulan lalu namun terpaksa menghadkan penjualan maksimum 15 keping setiap pembeli.